

06 JAN 2004

Najib-TPM

NAJIB AKAN DIUMUMKAN SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI ESOK

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib

Tun Razak dijangka dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri esok, menurut

sumber Kerajaan di sini malam ini.

Sumber itu berkata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

dijangka mengumumkan pelantikan itu selepas mesyuarat Kabinet esok.

Pengumuman itu akan menamatkan spekulasi selama ini setelah Abdullah

menjadi Perdana Menteri berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31

Okt lepas, 2003.

Najib, 50, salah seorang daripada tiga naib-presiden Umno selain Menteri perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin

Yassin dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib,

yang telah menjadi spekulasi akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Najib, yang juga Ketua Umno Bahagian Pekan, menjadi anggota Parlimen

ketika berusia 22 tahun pada 1976 selepas kematian ayah beliau, Allahyarham

Tun Abdul Razak Hussein, yang juga Perdana Menteri Malaysia kedua.

Beliau menjadi Timbalan Menteri yang termuda di negara ini pada 1978

apabila beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan

Pos.

Najib menjadi Menteri Besar Pahang pada 1982 sebelum ke Kabinet sebagai

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 1986.

Antara jawatan Kabinet yang dipegang Najib ialah Menteri Pendidikan

dari 1995 hingga 1999 dan Menteri Pertahanan sebanyak dua kali.

Dalam Umno, beliau menjadi anggota Jawatankuasa Kerja Pemuda Umno,

Pengerusi Pemuda Umno Pahang dan anggota Majlis Tertinggi Umno sebelum

menjadi pemangku Ketua Pemuda Umno pada 1987.

Pada 1993, beliau dipilih sebagai naib-presiden Umno dengan mendapat

1,202 undi.

Beliau juga adalah anggota Jawatankuasa pengurusan dan Disiplin Umno

yang dipengerusikan Timbalan Presiden Umno.

Najib mula bertanding dalam pilihan raya kecil pada 1976 bagi kawasan Parlimen Pekan berikutan kematian ayah beliau dan menang tanpa bertanding.

Berkeputusan Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Nottingham, England, Najib berkahwin dengan Datin Seri Rosmah Mansor dan mempunyai lima orang anak.

-- BERNAMA

HM AO BK